

TIADA GST Untuk Pengeluaran

Kami ingin memaklumkan bahawa **TIADA GST** dikenakan ke atas transaksi pengeluaran bagi **SEMUA** unit amanah ASNB yang dilakukan di cawangan-cawangan ASNB dan ejen-ejen (Maybank, CIMB, RHB Bank dan Pos Malaysia). **TIADA GST** juga dikenakan untuk sebarang pelaburan masuk ke dalam unit amanah harga tetap ASNB iaitu ASB, ASB2, ASD, ASW 2020 , AS1M, dan ASM. GST hanya dikenakan terhadap **caj jualan*** untuk sebarang pelaburan masuk ke dalam produk harga berubah ASNB iaitu ASN, ASN 2, ASN 3 dan ASG.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Ejen ASNB di talian 03-2057 3000 atau e-mel kepada asnbcare@pnb.com.my.

* Caj jualan adalah amalan industri yang dikenakan oleh syarikat pengurusan unit amanah untuk pelaburan dalam unit amanah.

NO GST On Withdrawals

*We would like to inform that there is **NO GST** imposed on withdrawal transactions for **ALL** ASNB unit trust funds transacted at ASNB branches and its agents (Maybank, CIMB, RHB Bank and Pos Malaysia). **NO GST** is imposed on the subscriptions of fixed priced unit trust funds, namely, ASB, ASB2, ASD, ASW 2020, AS1M and ASM. The GST is only imposed on the **sales charge*** of the subscriptions of ASNB's variable priced unit trust funds, namely, ASN, ASN2, ASN3 and ASG.*

For further information, please contact ASNB Customer and Agent Relations Department at 03-2057 3000 or email at asnbcare@pnb.com.my.

** Sales charge is an industry practice imposed by the unit trust management companies for investments in unit trust fund.*



Prospektus Induk bagi tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun 2015, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan boleh diperolehi di cawangan ASNB dan ejennya. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk kepada dan mengiringi prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila baca dan fahami kandungan prospektus tersebut. Jumlah keseluruhan pulangan pelaburan mungkin turun atau naik. Pelaburan dalam unit amanah adalah tertakluk kepada risiko pengurusan dana, risiko inflasi dan risiko kuasabeli. Prestasi masa lalu tabung unit amanah ASNB bukanlah jaminan prestasi masa hadapan. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran dan bayaran yang dikenakan.

Pelabur yang ingin mengetahui maklumat penting mana-mana tabung unit amanah ASNB boleh mendapatkan Halaman Serahan Produk yang telah dikeluarkan oleh ASNB di cawangan ASNB dan ejennya.